



IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIK
ARAS 6 UTARA, BLOK 2G 1B
NO. 3, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62596 PUTRAJAYA


Tel : 03- 88822100/300/500
Fax : 03-8889 5909
Telex : KASTAM MA 3092
Kawat : KEPEKAS, KUALA LUMPUR
Email : kastam@customs.gov.my
Laman web :www.customs.gov.my

Ruj. Kami : KE.HT(96)769/Klt.2/(33)

Tarikh : 15 Mei 2008

EDARAN SEBAGAIMANA LAMPIRAN A

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/puan.



PELAKSANAAN PINDAAN HS 2007

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana Y. Bhg. Datuk/Dato'/tuan/puan sedia maklum, bahawa dua perintah duti kastam sebagaimana berikut telah mula dilaksanakan mulai 1 April 2008:

- 2.1 Perintah Duti Kastam 2007 [P.U.(A) 441/2007]; dan
- 2.2 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Kerutamaan Sama Rata) 2007 [P.U.(A) 440/2007].

3. Ekoran daripada pelaksanaan kedua-dua perintah di atas, beberapa perundangan subsidiari lain yang menggunakan kod *Harmonized System (HS)* turut juga dipinda bagi diselaraskan dengan pindaan HS 2007, di antaranya:

- 3.1 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008;
- 3.2 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2008;
- 3.3 Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 2008
 - JADUAL A,
 - JADUAL B,
 - JADUAL C;
- 3.4 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai No.1) 2008;
- 3.4 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai No.2) 2008.

4. Jabatan ini sedar walaupun arahan dan pekeliling telah dikeluarkan kepada semua Pengarah Kastam Negeri bagi menanangi masalah pelaksanaan semasa tempoh peralihan ini, namun masih terdapat sebahagian kecil lagi ketidak lancaran pelaksanaan di setengah-setengah pintu-pintu masuk negara, khasnya dari aspek pelepasan dagangan. Sehubungan dengan itu, ke arah memperluaskan penyebaran maklumat berhubung dengan beberapa isu yang dikenalpasti, maka garis panduan ini dipanjangkan juga kepada pihak awam, khasnya berkaitan dengan peralihan kod tarif sebelum dan selepas 1 April 2008:

- 4.1 Semua lesen import/eksport, surat pengecualian di bawah seksyen 14(2) Akta Kastam 1967, sijil tempasal (*certificate of origin*) bagi semua perjanjian perdagangan bebas (FTAs), CJ No.5 yang menggunakan kod tarif lama yang dikeluarkan sebelum 1 April 2008 dan masih sah, boleh diterima oleh pihak Kastam. Pindaan kod tarif sewajarnya berpandukan jadual korelasi akan dilakukan oleh pihak kastam.
- 4.2 Semua Borang K1, K2, K3, K8, E7 dan E8 yang menggunakan kod tarif lama yang didaftarkan sebelum 1 April 2008, boleh diterima oleh pihak kastam. Pindaan kod tarif sewajarnya berpandukan jadual korelasi akan dilakukan oleh pihak kastam.

5. Kerjasama dari semua pihak amatlah dihargai, bagi memaklumkan ke pejabat ini jika terdapat sebarang percanggahan atau tidak keseragaman yang dikesan melalui perintah-perintah sebagaimana di atas, bagi membolehkan Jabatan ini mengambil tindakan susulan pembetulan, atau sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada pegawai-pegawai berikut:

Bahagian Kastam

- | | | |
|------|------------------------------|-------------------|
| i) | Pn. Soria Bt Osman | Tel: 03-8882 2349 |
| ii) | En. Martin Joseph | Tel: 03-8882 2757 |
| iii) | Pn. Raden Tuminah Bt Sa'aban | Tel: 03-8882 2749 |

Bahagian Perkhidmatan Teknik

- | | | |
|------|-----------------------------|-------------------|
| i) | En. Abdul Ghani Bin Saruji | Tel: 03-8882 2518 |
| ii) | En. Ong Guan Sai, | Tel: 03-8882 2512 |
| iii) | Pn. Samsath Begum Bt Saliho | Tel: 03-8882 2858 |
| iv) | En. Mohd Faizal Bin Ripin | Tel: 03-8882 2519 |

Cawangan Teknologi Maklumat

- i) Cik Rita a/p Paul
- ii) Pn. Zurinah Bt Mohd. Yusof
- iii) En. Hafizul Azlin Bin Khamis

Tel: 03-8882 2329
Tel: 03-8882 2340
Tel: 03-8882 2371

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah


(DATO' HJ. MOHAMED KHALID BIN YUSUF)
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi),
b.p. Ketua Pengarah Kastam,
Malaysia.

S.k.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Bahagian Analisa Cukai,
Kementerian Kewangan,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2,
62592 PUTRAJAYA.
(U.p: Y Bhg Datuk Aziyah Bt. Bahauddin)

Ketua Pengarah Kastam,
Timb. Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan),
Timb. Ketua Pengarah Kastam (Pencegahan),
Pengarah Bahagian Perundungan,
Semua Pengarah Kastam Negeri,
Semua Pengarah Bahagian, Ibu Pejabat.